

17/04/1997

Rafidah dicabar letak jawatan

KUALA LUMPUR, Rabu - DAP mencabar Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, meletak jawatan bagi mencontohi tindakan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang berbuat demikian apabila menghadapi tuduhan berhubung skandal tertentu.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng, mendakwa Rafidah turut terbabit dalam skandal pemberian hampir enam juta saham Universal Leader Holdings Bhd (Leader) dan First Allied Corporation Bhd (FACB) bernilai RM25 juta kepada menantunya pada 1994.

Menurutnya, Rafidah turut disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana melakukan satu amalan rasuah, tetapi Peguam Negara enggan mengambil tindakan atas faktor politik.

"Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjawab secara bertulis kepada saya di Parlimen tahun lalu bahawa Peguam Negara menganggap Rafidah melakukan kesilapan teknik yang tidak menjadi kesalahan secara automatik.

"Jika Rafidah melakukan kesilapan dalam undang-undang rasuah, kenapa beliau tidak mencontohi Muhammad meletak jawatan," katanya dalam sidang akhbar di Parlimen, di sini hari ini.

Selain itu, Lim berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Rafidah yang mendesak Muhammad meletak jawatan sebagai Naib Presiden Umno.

Menurutnya, adalah tidak logik Muhammad hanya meletak jawatan sebagai Menteri Besar tetapi tidak melepaskan jawatan Naib Presiden.

Beliau mempersoalkan kenyataan itu kerana berpendapat Rafidah juga patut melakukan tindakan yang sama.

"Rafidah tidak faham logik apabila beliau mendesak Muhammad melepaskan jawatannya sedangkan beliau pernah disiasat BPR," katanya.

(END)